



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN**  
**KOD KURSUS : DSM 2083**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2022**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAH KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: **BAHAGIAN A (100 Markah)**
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama penuh pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Jelaskan konsep tawaran dengan menggunakan contoh dan kes berkaitan.  
(6 markah)
- b) Tina mendapat tahu bahawa Butik Zalora telah mengadakan promosi jualan baju-baju dibutiknya. Salah satu baju yang dipamerkan menunjukkan tag diskaun sebanyak 50%. Tina telah mengambil baju tersebut dan membawanya ke kaunter juruwang untuk dibayar. Walau bagaimanapun, juruwang tersebut telah memberitahu Tina bahawa promosi tersebut telah tamat. Tina mengatakan bahawa beliau telah menerima tawaran yang dibuat oleh Butik Zalora dan mahu mengambil tindakan terhadap Butik Zalora kerana kemungkiran kontrak.

Nasihatkan Tina sama ada beliau boleh berbuat demikian atau tidak.

(13 markah)

- c) Berdasarkan fahaman anda, dalam keadaan bagaimakah sesuatu kontrak tanpa balasan itu masih boleh dianggap sah di sisi undang-undang?

(6 markah)

**SOALAN 2**

- a) Jelaskan syarat-syarat kelayakan berkontrak menurut Akta Kontrak 1950.  
(10 markah)
- b) Puan Laily mengugut akan mendakwa anak Puan Ema yang mencuri wangnya jika Puan Ema enggan membeli beberapa lukisan kepunyaan Puan Laily dengan harga dua kali ganda nilai sebenar lukisan tersebut. Puan Ema bersetuju untuk membeli lukisan-lukisan tersebut demi menyelamatkan anaknya tetapi kemudiannya enggan menyempurnakan transaksi tersebut.

Nasihatkan Puan Ema.

(15 markah)

**SOALAN 3**

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan ejensi secara kecemasan?  
(4 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** tanggungjawab prinsipal kepada agen.  
(6 markah)
- c) Dato' Fuad merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya. Isterinya, Datin Anne dikenali oleh keluarga dan rakan-rakan mereka dengan gaya hidup yang mewah. Datin Anne telah menggunakan kad kredit suaminya untuk menempah set sofa mewah *Lorenzzo*. Dato' Fuad kecewa dengan pembelian sofa tersebut kerana ia menelan belanja sebanyak RM 500,000. Dia bertemu Faiz, penjual *Lorenzzo* dan menyatakan hasratnya untuk membatalkan tempahan. Faiz enggan berbuat demikian kerana beranggapan terdapat anggapan hubungan prinsipal dan ejen antara suami dan isteri. Tambahan lagi, transaksi itu adalah sah.

Nasihatkan Dato' Fuad jika hubungan agensi benar-benar wujud dan cadangkan satu langkah untuk mengatasi anggapan itu.

(15 markah)

**SOALAN 4**

- a) Huraikan dua (2) waranti tersirat dan dua (2) syarat tersirat menurut Akta Sewa Beli 1967.
- (10 markah)
- b) Haris baru sahaja mula bekerja kira-kira 3 bulan yang lalu. Dia mahu membeli komputer riba dan set sofa daripada Perabot Mahel secara sewa beli. Dia meminta nasihat anda tentang pembentukan perjanjian sewa beli tersebut.

Nasihatkan Haris mengenai prosedur yang diperlukan di bawah Akta Sewa Beli 1967

(15 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**